



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2013/1434H

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 25 Ogos 2013 – YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan (WP) Labuan 2013/1434H pada hari ini di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang bermula dari 12.30 tengahari hingga 3.00 petang adalah merupakan program rasmi tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL). Ini merupakan salah satu usaha murni pihak kerajaan dalam merapatkan hubungan antara pemimpin dengan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dipilih sebagai lokasi majlis kerana lokasi ini amat bersesuaian dengan konsep rumah terbuka yang terletak di kawasan terbuka (*open area*) dan lebih memudahkan orang ramai untuk hadir. Pemilihan lokasi kali ini juga adalah bersempena dengan Fiesta Pancing Labuan Merdeka Raya 2013 anjuran bersama Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Unit Joran Berita Harian yang berlangsung pada 24 dan 25 Ogos 2013. Oleh itu, warga WP Labuan juga turut merasai kemeriahan Fiesta Pancing Labuan Merdeka Raya 2013 ini.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat WP Labuan pada tahun ini juga tidak melupakan golongan yang kurang berkemampuan. Seramai 700 orang akan menerima sumbangan aidilfitri yang terdiri daripada golongan miskin, ibu tunggal, anak-anak yatim, orang kurang upaya dan warga emas. Setiap penerima akan menerima sumbangan aidilfitri sebanyak RM100.00 dan jumlah keseluruhan sumbangan adalah sebanyak RM70,000.00. Pihak kementerian juga turut menyediakan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir ke majlis ini.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri ini turut dijayakan oleh *program partners* iaitu pihak Asian Supply Base Sdn Bhd yang menyediakan 10,000 cucuk satay dan mee kari. Manakala Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd turut menyediakan 10,000 batang ais krim kepada para tetamu yang hadir. Pihak Billion Waterfront pula menyumbangkan 2000 pcs *cup cake* semasa majlis rumah terbuka aidilfitri kali ini.

Melalui penganjuran majlis seperti ini akan dapat memupuk semangat perpaduan antara satu sama lain di samping meraikan sambutan Aidilfitri. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat WP Labuan ini bukan sahaja menyediakan pelbagai aktiviti rekreasi yang menyeronokkan tetapi orang ramai dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain pada setiap masa.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**JABATAN HAL EHWAL KORPORAT
PERBADANAN LABUAN**